

CNS5695

R GB 13-01 00173 BH142

bah

Mahathir - Islam

UMAT ISLAM PERLU ADA PERSIAPAN UNTUK PERTAHANAN DIRI, KATA MAHATHIR

ALOR SETAR, 13 Jan (Bernama) -- Umat Islam perlu mempersiapkan diri untuk peperangan walaupun tujuannya bukan bagi menakluk orang lain tetapi sekurang-kurangnya mereka mampu mempertahankan diri apabila diserang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, mengadakan persediaan untuk mempertahankan diri merupakan sebahagian daripada ajaran Islam.

"Kalau di zaman Nabi, umat Islam harus mempersiapkan kuda dan pedang tetapi di zaman ini kuda dan pedang sahaja tidak mencukupi tetapi sebaliknya umat Islam mestilah menyediakan wang dan kekayaan serta mempunyai ilmu yang cukup supaya kita boleh menyediakan jet-jet pejuang, kereta kebal dan kapal perang," katanya ketika merasmikan rumah anak-anak yatim Darul Aitam Walmasakin Tunku Abdul Rahman Putra dan bangunan Musalla Usmani milik Perkim Kedah di Lorong Seri, Jalan Langgar, di sini.

Malangnya, kata beliau, kebanyakan daripada kira-kira 1,000 juta umat Islam di dunia kini tinggal di negara-negara yang lemah dan masih tidak mampu mempertahankan diri. -- Lagi

▼13/01/12-59MST

U GB 13-01 00185 BH145

ab

Mahathir - Islam 2 Alor Setar

Justeru kerana kelemahan mereka, ramai umat Islam kini ditekan, disiksa, dirogol dan dibunuh disebabkan mereka tidak mampu mempertahankan diri seperti yang berlaku di Bosnia-Herzegovina tetapi malangnya tiada satu negara Islam yang mampu menolong mereka atau mampu mempengaruhi badan dunia untuk membantu mereka.

Menurut Dr Mahathir, punca kelemahan umat Islam sedunia ialah kerana mereka tidak mengikut ajaran Islam yang sebenar tetapi sebaliknya lebih banyak bersengketa sesama sendiri dan menumpukan kepada perkara kecil yang merupakan "titik-bengik".

"Kita asyik bersengketa dan menganggap orang lain kurang Islam daripada kita, berlawanan dan bermusuhan. Jumlah orang Islam yang dibunuh oleh orang Islam lebih ramai daripada yang dibunuh oleh musuh Islam iaitu orang bukan Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata, persengketaan sesama umat Islam juga berlaku di Malaysia sehingga ada pihak yang mempersoalkan keIslaman pihak yang lain dan menubuhkan parti politik semata-mata untuk kepentingan parti dan bukan untuk memperkuatkan Islam.

Menurutnya, keadaan selumpamanya juga berlaku di negara Islam lain seperti di Mesir di mana wujud puak pelampau yang mahu melemahkan kerajaan Mesir. -- Lagi

▼13/01/13-00MST

aab

Mahathir - Islam 3 Alor Setar

Katanya golongan pelampau itu membunuh pelancong untuk menakut-nakutkan pelancong datang ke Mesir sedangkan tindakan mereka itu boleh melemahkan negara berkenaan yang banyak bergantung kepada hasil pelancongan.

Dr Mahathir bagaimanapun bersyukur kerana keadaan di Malaysia aman walaupun mempunyai 42 peratus bilangan penduduk bukan Islam.

Perdana Menteri mengajak rakyat mengambil pengajaran daripada sejarah kejatuhan empayar Islam di Sepanyol yang mempunyai persamaan dengan negara ini daripada segi komposisi penduduk bukan Islamnya yang ramai.

Katanya umat Islam di Sepanyol diusir ke Maghribi dan ada yang dipaksa menukar kepada agama Kristian setelah lebih 800 tahun memerintah negara itu apabila pemerintahnya tidak lagi mengamalkan toleransi terhadap penduduk bukan Islam sehingga terjadinya pemberontakan dan umat Islam menjadi lemah akibat persengketaan sesama sendiri.

Oleh itu, rakyat negara ini perlu ada toleransi dan harus bertimbang rasa serta tidak mengamalkan diskriminasi terhadap rakyat bukan Islam, katanya. -- Lagi

13/01/14-01MST

CNS5752

U GB 13-01 00157 BH147

aab

Mahathir - Islam 4 Alor Setar

Beliau juga berkata, tujuan penubuhan Perkim bukan semata-mata untuk mengislamkan orang bukan Islam tetapi sekurang-kurangnya memberi kefahaman kepada mereka mengenai agama Islam.

Dr Mahathir berkata, umat Islam perlu menunjukkan teladan sekiranya mereka mahu penganut agama lain menghormati Islam.

Bangunan Darul Aitam Walmasakin Tunku Abdul Rahman Putra berharga RM750,000 itu yang dibina pada Mac 1991 dan siap dalam masa lapan bulan, mengandungi lima blok terdiri daripada asrama anak-anak yatim, surau, kantin, perpustakaan dan pejabat Perkim Kedah.

Pembinaan rumah anak-anak yatim itu dicadangkan Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra, yang juga bekas Yang Dipertua Perkim, yang mewakafkan sebidang tanahnya sebagai tapak bangunan itu.

Asrama itu kini menempatkan 36 orang anak-anak yatim berumur antara 8 dan 12 tahun sejak Januari tahun lepas manakala bangunan surau Musalla Usmani yang baru disiapkan itu pula boleh menampung sehingga 400 jemaah. --

Sempena majlis itu, Perdana Menteri turut menerima sumbangan derma orang ramai bagi pihak asrama anak-anak yatim itu.

Antara penderma ialah ahli peniagaan dari Kuala Lumpur, Encik Zainal Osman Mohamad yang menyumbangkan dua buah van bernilai RM90,000 dan bermurah hati membayar gaji bulanan kedua-dua pemandu van itu dan membiayai kos penyenggaraan van selagi ada hayat beliau.

Lain-lain penyumbang ialah tokoh korporat, Tan Sri Azman Hashim dan seorang ahli perniagaan negeri, Haji Izhar Haji Sulaiman, yang masing-masing menderma RM100,000 dan ahli perniagaan dari Sarawak, Datuk Ting Pek Khiing bersama Lembaga Masjid Negeri Sarawak yang menyumbangkan RM250,000.

Hadir sama ialah Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Yang Dipertua Perkim Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, yang juga Ketua Menteri Sarawak, Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Othman dan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri Haji Othman Abdul. -- Bernama.

KHY RON